

[THE UNIQUENESS OF THE ORNAMENTAL ARTS OF THE TERENGGANU EMAS MUSHAF MANUSCRIPT FROM A TECHNICAL POINT OF VIEW : A STUDY OF THE TERENGGANU STATE MUSEUM MANUSCRIPT LMNT.E.21.14.UI 2]

KEUNIKAN SENI HIAS MANUSKRIP MUSHAF EMAS TERENGGANU DARI SUDUT TEKNIKAL : KAJIAN MANUSKRIP MUZIUM NEGERI TERENGGANU LMNT.E.21.14.UI 2

SYAMSUL ANWAR BIN SHAMSUDDIN¹
MOHD FIRDAUS BIN JUSOH²

Kolej Al-Quran Terengganu, Kampus Padang Midin,
21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA.
Email: syamsul@kqt.edu.my

Received: 3th November 2022

Accepted: 21th December 2022

Published: 31st December 2022

Abstract

The decorative art in Terengganu's golden al-Quran is one of the arts lost in time. The art's exclusivity and remarkable value dating back through bibliographies or the history of al-Quran's production centuries ago has become a part of the nation's invaluable treasures. Terengganu's golden al-Quran LMNT.E.21.14.UI 2 is one of the hand-made scripture in the collection of Terengganu State Museum and is the focus of this study. Several studies were carried out including examining the uniqueness of the mushaf cover, the full decoration (full illumination) of the beginning, middle and end pages, the connection of motifs with the engraving art, and the process of copying of the Terengganu's golden scripture. Through the records of this artistic heritage, the researcher found that there is still insufficient technical research done on the decorative art found in the manuscript. Therefore, this study seeks to achieve several main objectives, namely i) Exploring the uniqueness of the decorative arts contained in the Terengganu's golden al-Quran (LMNT E.21.14.UI 2) in the collection of the Terengganu State Museum which is classified as one of the most beautiful scriptures in Southeast Asia, ii) Identifying the uniqueness of its decorative arts (motifs) and iii) Analyzing the uniqueness of the decorative arts (coloring) and fourth, identifying the uniqueness of its Calligraphy. The study is carried out technically, through research on manuscripts, book references, discussions with experts and by using certain equipments. This study is also linked to the writer's experience in rebuilding the Terengganu's Golden al-Quran, Ummul Mushaf during the Terengganu Royal Illumination and Gold Scroll Exhibition that lasted for a month at the Terengganu State Museum. The author is also experienced in developing a replica of Terengganu's golden Ummul al-Quran manuscript at the University of Malaysia Terengganu in conjunction with raising the Terengganu al-Quran scripture as a national heritage. Through exhibition of the manuscript development that has been held as well as the results of this study, it is hoped to raise awareness in Terengganu particularly and in Malaysia in general regarding the glory of the Terengganu golden al-Quran mushaf.

Keywords: *Decorative Arts, Mushaf, Terengganu Golden Qur'anic Scripture, Decoration, Illumination, Visual Arts, Tahzib, Application Of Gold.*

ABSTRAK

Seni hias di dalam mushaf al-Quran emas Terengganu merupakan salah satu seni yang pupus di telan zaman. Keunikan dan ketinggian nilai seni yang telah wujud pada zaman terdahulu melalui bibliografi atau sejarah sejak zaman penghasilan al-Quran berabad yang lalu telah menjadi sebahagian daripada khazanah warisan negara yang tidak ternilai harganya. Mushaf al-Quran emas Terengganu LMNT.E.21.14.UI 2 merupakan salah sebuah mushaf al-Quran buatan tangan koleksi Muzium Negeri Terengganu dan merupakan subjek tumpuan kajian kali ini. Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan termasuk dalam meneliti keunikan kulit mushaf, hiasan penuh (iluminasi penuh) helaian permulaan, pertengahan dan pengakhiran, hubungkait motif dengan seni ukiran dan peringkat penyalinan mushaf al-Quran emas Terengganu. Melalui rakaman seni yang telah diwariskan ini, pengkaji dapati bahawa masih tidak banyak kajian teknikal dilakukan terhadap seni hias yang terdapat di dalam manuskrip. Oleh itu, kajian ini berusaha mencapai beberapa objektif utama, iaitu i) Menelusuri keunikan seni hias yang terkandung di dalam mushaf al-Quran emas Terengganu (LMNT E.21.14.UI 2) koleksi Muzium Negeri Terengganu yang diklasifikasikan sebagai antara mushaf yang tercantik di Asia Tenggara, ii) Mengenal pasti keunikan seni hias (motif) dan iii) Menganalisa keunikan seni hias (pewarnaan) dan keempat, mengenal pasti keunikan seni Kaligrafi. Kajian dijalankan secara teknikal iaitu melalui penelitian ke atas mushaf, rujukan buku, perbincangan pakar dan dengan menggunakan peralatan tertentu. Kajian ini juga dikaitkan dengan pengalaman penulis dalam membangunkan semula Ummul Mushaf al-Quran Emas Terengganu semasa Pameran Iluminasi dan Warkah Emas DiRaja Terengganu yang berlangsung selama sebulan di Muzium Negeri Terengganu. Penulis juga berpengalaman dalam membangunkan replika Ummul mushaf al-Quran emas Terengganu di Universiti Malaysia Terengganu sempena mengangkat mushaf al-Quran Terengganu selaku warisan kebangsaan. Melalui pameran pembangunan manuskrip yang telah diadakan serta hasil kajian mushaf ini semoga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat Terengganu secara khusus dan Malaysia secara amnya berkenaan kegemilangan mushaf al-Quran emas Terengganu.

Kata kunci: Seni Hias, Mushaf, Mushaf Al-Quran Emas Terengganu, Ragam Hias, Iluminasi, Seni Tampak, *Tahzib*, Penerapan Emas

PENDAHULUAN

Seni hias al-Quran membawa maksud segala sesuatu yang dilakukan oleh mudhahib (orang yang menghiaskan manuskrip) dalam memindahkan al-Quran (Dzulhaimi, 2007). Seni hias juga merangkumi seni tampak, iluminasi, tahzib (penyepuhan emas), seni *zukhruf* dan ragam hias. Seni ini lazimnya telah diterapkan ke atas mushaf al-Quran sejak berkurun lamanya dan mutakhir ini telah menarik perhatian kebanyakan pengkaji manuskrip di dalam dan luar negara. Ini adalah kerana nilai keunikan seni yang tinggi terdapat di dalam manuskrip mushaf al-Quran tersebut. Manuskrip al-Quran tersebut dihias dengan mewah kerana sesuatu yang indah itu membawa *barakah* (Wiesbaden, 1977). Keindahan hiasan ini dikaitkan dengan ilmu ketauhidan dimana Islam itu berpaksikan kepada keindahan, kebaikan dan kesempurnaan. Ilmu seni hias mushaf al-Quran ini telah berkembang sejak zaman Abbasiyah, Mamluk, Uthmaniah, Safawi, Mughal dan lain-lain. Seterusnya meresap masuk ke Tanah Melayu melalui pemindahan kemahiran daripada negara-negara Timur Tengah. Namun, kehebatan seni hias Alam Melayu khususnya Terengganu tidak kurang hebatnya berbanding kehebatan kesenian manuskrip dunia Islam yang lain. Ini adalah sepertimana dinyatakan oleh Ketua Kurator British Library, Datuk Dr. Annabel Teh Gallop melalui catatannya:

“More firmly in the orthodox Islamic tradition, there is one school which tower above all others, alone in the Malay world in evoking a level of connoisseurship, patronage and artistic organisation associated with the atelier or kitabkhana of the persianated court tradition. It is the name of Terengganu, of all the centres of manuscript illumination in the Malay world, which deserve to join the likes of Isfahan and Istanbul in the hall of fame of the arts of the Islamic book.” (Gallop 2005c: 184)

Keindahan mushaf al-Quran emas Terengganu ini terbukti dengan catatan daripada salah seorang tokoh pengembara yang menjadi rujukan dalam sejarah sastera Melayu iaitu Abdullah bin Abdul Kadir atau biasanya dikenali sebagai Mushi Abdullah. Beliau sempat mengembara di Terengganu dan melihat kecekapan orang Terengganu dalam menghias manuskrip al-Quran, “Kebanyakan terpuji mushaf Terengganu dari negeri-negeri yang lain”. (Riswadi Azmi, 2020). Terdapat beberapa Mushaf Terengganu pada awal abad ke-19 yang ditemui di dalam dan luar negara sememangnya terlalu indah dan mewah dengan warna keemasan dan dinamakan sebagai Mushaf al-Quran Kilau atau dikenali sebagai Mushaf al-Quran Emas Terengganu. Hasnira Hassan (2013) telah menamakan manuskrip al-Quran Terengganu sebagai manuskrip al-Quran Kilau dan mengelaskannya sebagai satu kesenian teokratik sebaris Empayar Mughal, Safaviyah, Mamluk dan Uthmaniyah. Koleksi mushaf yang amat menarik ini disimpan dan dikumpulkan melalui beberapa organisasi yang bertanggungjawab dalam menjaganya dengan rapi. Antaranya adalah Muzium Negara, Muzium Kesenian Islam, Muzium-muzium negeri, Perpustakaan Negara, Arkib Negara dan ada juga merupakan simpanan peribadi individu. Sememangnya mushaf al-Quran yang beridentitikan Negeri Terengganu ini mempunyai ciri-ciri khas dan mempunyai persamaan dari sudut struktur reka bentuk, corak motif, pewarnaan, penulisan gaya kaligrafi dan kulit mushaf al-Quran itu sendiri.

Salah satu mushaf yang menarik para pengkaji adalah mushaf yang bernombor pendaftaran LMNT.E.21.14.UI merupakan salah sebuah mushaf al-Quran emas Terengganu di dalam koleksi Muzium Negeri Terengganu. Mushaf al-Quran bertulisan tangan ini mempunyai kemewahan motif dan warna keemasan. Mushaf ini pada asalnya milik seorang guru di Sekolah Pondok Bera’ Sening, Barahak, Pattani, Selatan Thailand yang bernama Allahyarham Tuan Guru Haji Yahya Bin Osman@Sulaiman. Pihak Muzium Negeri Terengganu telah membeli mushaf al-Quran bertulisan tangan yang berusia lebih daripada 100 tahun pada 20 Mac 2014 dan secara langsung menjadi sebuah koleksi berharga di muzium tersebut.

Pengalaman menghasilkan seni hias al-Quran ini telah dilakukan sendiri oleh penulis sempena Pameran Iluminasi dan Warkah Emas DiRaja Terengganu pada tahun 2019 dengan membangunkan semula dua manuskrip lama. Manuskrip tersebut adalah Warkah Sultan Ahmad Shah 1 kepada Jeneral Belanda 1824 masihi dan Ummu al-Quran daripada Mushaf Emas DiRaja Terengganu koleksi Muzium Negeri Terengganu (LMNT.E.21.14.UI 2). Penulis juga dilantik dalam membangunkan semula Ummul Quran melalui Universiti Malaysia Terengganu sempena mengangkat mushaf al-Quran Terengganu selaku warisan kebangsaan. Melalui pembangunan yang telah dijalankan, seni hias bagi menghasilkan Ummu al-Quran ini memerlukan ketekunan, kesabaran dan penelitian yang mendalam. Ini adalah kerana saiz mushaf tersebut tidak terlalu besar dan mempunyai corak motif yang halus.

PERNYATAAN MASALAH

Muzium Negeri Terengganu merupakan muzium terbesar di Asia Tenggara dan mempunyai pelbagai koleksi manuskrip di dalam dan luar negara. Kebanyakan manuskrip tersimpan mempunyai kondisi yang tidak begitu baik dan memerlukan penjagaan rapi bagi memastikan

manuskrip tersebut masih boleh dijadikan sebagai khazanah negara serta rujukan pengkaji dan tatapan masyarakat umum. Oleh itu, para penyelidik perlu menyediakan surat khas sebelum diberi keizinan menyelidiki manuskrip-manuskrip yang tersimpan di dalam muzium tersebut. Mutakhir ini, keunikan kesenian mushaf al-Quran Emas Terengganu telah menarik minat para pengkaji dan telah banyak kajian yang telah dibuat mengenai mushaf tersebut. Namun, ianya masih tidak dapat memberikan impak besar dalam membuka mata dan menyedarkan masyarakat Terengganu khususnya berkenaan sejarah kegemilangan serta wujudnya mushaf yang cantik ini. Realitinya, kesenian mushaf Emas Terengganu ini telah pupus dan tiada lagi yang membangunkannya semula.

Ramai pengkaji telah menjalankan kajian kandungan dan masih kurang kajian secara teknikal berkenaan seni hias yang terdapat di dalam manuskrip. Oleh itu, kajian khusus secara teknikal amatlah diperlukan bagi menghidupkan semula kesenian mushaf al-Quran Emas ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah mengenalpasti keunikan yang terdapat di dalam mushaf al-Quran emas Terengganu (LMNT E.21.14.UI 2) koleksi Muzium Negeri Terengganu.

Berikut adalah beberapa pengelasan berkenaan keunikan yang terdapat di dalam mushaf tersebut. Pertama, menelusuri keunikan seni hias yang terkandung di dalam mushaf. Kedua, mengenalpasti keunikan seni hias (motif). Ketiga, menganalisa keunikan seni hias (pewarnaan) dan keempat, mengenalpasti keunikan seni kaligrafi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian secara teknikal dijalankan di Muzium Negeri Terengganu, Terengganu secara berperingkat. Kajian ini dibuat dengan mengukur, meneliti dan membuat perbandingan seni hias. Kaedah kajian ini adalah bertujuan bagi membongkar dan menyelidik keunikan seni hias al-Quran emas Terengganu.

Bagi mengelakkan sebarang kerosakan ke atas mushaf, pengkaji disarankan untuk mengambil langkah-langkah seperti menggunakan sarung tangan apabila menyentuh mushaf, menggunakan alas apabila menyelak halaman, digalakkan memakai penutup muka dan memerlukan pegawai muzium bertugas bagi memantau sepanjang proses penyelidikan. Permulaan kajian adalah dengan mengukur struktur reka bentuk, halaman, kulit dan ketebalan mushaf dengan menggunakan tali pita pengukur. Proses pengukuran ini adalah untuk memberikan gambaran tepat keseluruhan mushaf dan direkodkan ke dalam hasil kajian. Selepas itu, kajian mengenai penelitian ke atas kulit mushaf tersebut turut dijalankan. Penelitian ke atas kulit mushaf ini berdasarkan kepada pembuatan dan seni hias kulit mushaf al-Quran tersebut. Di samping itu, kajian perbandingan dan penelitian terhadap halaman yang berhias penuh (iluminasi penuh) dengan menggunakan alat kanta pembesar dan lensa mikro telefon pintar. Antara halaman tersebut adalah:

- i) Halaman hadapan (Ummul Quran)
- ii) Halaman pertengahan (Nisful Quran)
- iii) Halaman pengakhiran (Khatmul Quran)

Peralatan-peralatan tersebut juga diguna pakai dalam meneliti warna dan penulisan kaligrafi yang terkandung di dalam mushaf. Penggunaan alat ini dapat memberikan imej dan penelitian yang jelas semasa menjalankan kajian.

Bagi membongkar dan mengenal pasti keunikan serta rahsia motif-motif yang terdapat di dalam mushaf, penulis sempat mengadakan perbincangan bersama seorang tokoh ukiran yang terkenal di Malaysia iaitu Adiguru Norhaiza bin Noordin. Perbincangan tersebut merangkumi:

- i) Hubung kait seni motif di dalam mushaf dengan seni ukiran
- ii) Hubung kait seni motif dengan seni binaan Melayu
- iii) Identifikasi jenis bunga, sulur dan daun di dalam mushaf
- iv) Hubung kait falsafah seni ukiran dan seni hias mushaf

Mushaf al-Quran emas Terengganu ini merupakan salah sebuah mushaf yang menarik dan istimewa. Sudah pasti keistimewaan mushaf al-Quran ini mempunyai teknik-tekniknya tersendiri dengan menggunakan teknologi yang ada pada masa itu. Oleh itu, dengan menggunakan alat kanta pembesar dan lensa mikro telefon pintar telah mendapati terdapat beberapa teknik yang digunakan antaranya:

- i) Teknik lakaran struktur
- ii) Teknik lakaran motif
- iii) Teknik perada emas (sepuhan emas)
- iv) Teknik penggunaan kaligrafi dan komposisi kaligrafi
- v) Teknik perincian (*detailing*)

DAPATAN KAJIAN

KULIT MUSHAF AL-QURAN EMAS TERENGGANU

Terdapat banyak mushaf al-Quran bertulisan tangan bercirikan negeri Terengganu dan dihasilkan dengan pelbagai bentuk dan saiz. Bagi mushaf al-Quran emas Terengganu (LMNT E.21.14.UI 2) ini, ukuran folionya adalah bersaiz 34cm x 24cm dan mempunyai ketebalan naskhah 6cm. Proses mengukur ini hendaklah dilakukan berhati-hati dan mengikut tatacara tertentu bagi mengelakkan sebarang kerosakan ke atas manuskrip.



Kajian secarateknikal di Muzium Negeri Terengganu

Ramai pengkaji tertarik dengan keunikan kulit mushaf al-Quran ini kerana kulitnya di perbuat daripada kulit binatang dan mempunyai gaya motifnya yang terserlah indah. Kulit mushaf ini diterap dengan motif yang berwarna keemasan dan seakan-akan berbentuk pending dan perisai. Gaya motif kulit mushaf ini diterap dengan menggunakan teknik cop atau teraan (Riswadi Azmi, 2020). Teknik cop dan teraan ini dikatakan sinonim dengan teknik yang biasa digunakan oleh penjilid manuskrip al-Quran di Pantai Timur. Selain itu, mushaf ini diselangi dengan kekemasan penjilidan bagi memelihara dan melindungi manuskrip daripada rosak dan kekal digunakan dalam tempoh masa yang lebih lama (Ros Mahwati Ahmad Zakaria, 2015). Mushaf ini juga seperti kebanyakan mushaf al-Quran yang beridentitikan Negeri Terengganu, iaitu mempunyai lapisan kain kapas bercorak di belakang kulit mushaf.



Kulit mushaf al-Quran EmasLMNT E.21.14.UI 2

KEUNIKAN HIASAN PENUH (ILUMINASI PENUH) MUSHAF AL-QURAN EMAS TERENGGANU

Mushaf al-Quran emas Terengganu (LMNT E.21.14.UI 2) ini mempunyai 3 halaman berhias penuh (beriluminasi penuh) iaitu pada bahagian hadapan (Ummul Quran), pertengahan (Nisful Quran) dan pengakhiran (Khatmul Quran). Kesemua halaman tersebut mempunyai gaya motif dan warna yang serupa namun struktur reka bentuk jelas berbeza. Ini adalah kerana terdapat perbezaan ruang letak surah dan ayat ketiga-tiga halaman tersebut. Pada ruangan Ummul Quran, terdapat surah al-Fatihah dan permulaan surah al-Baqarah (ayat 1 hingga 4) dan diletakkan reka bentuk struktur yang lebih besar berbanding halaman yang lain. Ianya berbeza pada ruangan Nisful Quran dimana meletakkan permulaan surah al-Kahfi dan memuatkan 15 baris ruangan ayat termasuk satu baris kepala surah. Gaya rekabentuk pada ruangan ini tidak terlalu padat dan besar namun ianya masih lagi kelihatan mewah kerana penggunaan motif yang padat dan warna keemasan yang menyerlah. Menariknya mushaf ini adalah kerana ruangan pengakhiran (Nisful Quran) hanya mempunyai dua surah iaitu surah al-Falaq dan surah al-Nas. Ianya jelas berbeza dengan kebanyakan mushaf al-Quran lain yang mempunyai lebih daripada dua surah. Struktur reka bentuk juga amat menarik perhatian kerana mempunyai bentuk yang unik bagi ruangan surah. Perbezaan struktur reka bentuk bagi ketiga-tiga halaman tersebut adalah kerana mengambil kira ruangan surah dan ayat al-Quran yang terkandung di

dalam mushaf. Walaupun sedemikian, penyalin mushaf tersebut tetap memberikan kemewahan setiap reka bentuk dengan warna keemasan dan hiasan motif yang menarik. Pewarnaan emas yang diletakkan ke atas mushaf ini adalah daripada penerapan perada emas (*gold leaf*). Kemewahan warna keemasan ini adalah melambangkan ketinggian dan kekuasaan, namun bukan ketinggian dan kekuasaan manusia tetapi ketinggian dan kekuasaan Pencipta segala karya (Hasnira Hassan et al., 2014).

HUBUNG KAIT MOTIF DI DALAM MUSHAF DAN SENI UKIRAN MELAYU

Norhaiza bin Noordin merupakan seorang pengukir yang tidak asing di Terengganu khususnya dan Malaysia amnya. Beliau telah dilantik menjadi seorang adiguru ukiran pada tahun 2011 dan telah dianugerahkan sebagai Tokoh Kraf Negara pada tahun 2022. Beliau telah lama berkecimpung di dalam dunia seni ukiran malah terlibat dalam beberapa pameran dan juga menghasilkan kertas kerja serta penerbitan buku. Antara pameran yang pernah disertai adalah pameran “Spirit of Wood” di *Asia Civilization Museum* di Singapura pada tahun 2003 dan 2004. Penulis sempat mengadakan perbincangan dengan beliau berkaitan seni hias motif mushaf al-Quran emas Terengganu dan beliau bersetuju bahawa hubung kait seni hias motif di dalam mushaf ini mempunyai persamaan yang ketara dengan motif di dalam seni ukiran. Perletakan dan tata susun motif di dalam mushaf ini juga adalah sama dan yang membezakannya adalah dari segi saiz serta bahan (*medium*) yang digunakan. Seni motif di dalam mushaf ini juga dikaitkan dengan beberapa bahagian di dalam seni bina rumah Melayu terdahulu. Kebanyakan seni motif ini di aplikasikan dalam bentuk seni ukiran di bahagian dinding, jala pintu, sisir angin dan sebagainya. Bentuk seni ukiran ini juga mempunyai persamaan dengan seni motif di dalam mushaf dan hanya berbeza dari segi saiz dan cara olahan. Pengolahan seni ukiran pada seni bina rumah Melayu bergantung kepada bahagian tertentu merangkumi aspek sistem ventilasi (peredaran udara atau angin). Saiz motif ukiran di dalam mushaf sudah tertentu berbeza kerana bahan (*material*) dan ruang letak motif yang mengikut kesesuaian namun ianya menggunakan motif-motif yang sama. Antara contoh motif-motif yang mempunyai persamaan antara seni motif di dalam mushaf dan seni ukiran adalah motif bunga bayam peraksi, daun bakawali, sarang putu, bunga cengkih dan lain-lain lagi. Kehebatan gaya olahan motif ini bergantung kepada kefahaman dan pengalaman pelukis motif itu sendiri. Oleh itu, gaya seni motif di dalam mushaf ini telah menunjukkan nilai tatatertib serta melambangkan kehidupan atau budaya orang Melayu pada zaman tersebut. Ianya jelas berbeza dengan seni motif di Negara lain kerana budaya dan kehidupannya yang berlainan dengan gaya hidup orang Melayu khususnya Terengganu.


PENYALINAN MUSHAF AL-QURAN EMAS TERENGGANU

Beberapa kajian teknikal ke atas mushaf ini dengan menggunakan alat kanta pembesar dan lensa mikro telefon pintar. Melalui penelitian ke atas helaian mushaf yang mengandungi seni hias, terdapat beberapa teknik yang dapat diperhatikan iaitu teknik lakaran struktur reka bentuk dan motif, teknik sepuhan emas (perada emas) dan teknik gaya penulisan kaligrafi. Penulis berpendapat, teknik menyalin mushaf ini terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu:

- 1) Peringkat pertama : lakaran struktur reka bentuk
- 2) Peringkat kedua : lakaran motif
- 3) Peringkat ketiga : pewarnaan dan sepuhan emas
- 4) Peringkat keempat : penulisan kaligrafi
- 5) Peringkat kelima : perincian (*detailing*)

Peringkat pertama : Lakaran Struktur Reka bentuk

Struktur reka bentuk merupakan peringkat awal dan asas dalam menyalin mushaf al-Quran emas Terengganu. Lakaran struktur reka bentuk ini perlu dirancang dan mengambil kira beberapa keadaan seperti penentuan ruang ayat, kepala surah dan perletakan motif. Oleh kerana itu, halaman untuk ruangan Ummul Quran, Nisful Quran dan Khatmul Quran semuanya berbeza dan mempunyai keunikan strukturnya yang tersendiri. Struktur reka bentuk mushaf ini juga mempunyai lapisan-lapisan (*layer*) untuk membezakan ruang dan memberikan ruang nafas kepada reka bentuk tersebut.



Ummul Quran



Nisful Quran



Khatmul Quran

Halaman Ummul Quran, Nisful Quran dan Khatmul Quran bagi mushaf al-Quran emas Terengganu LMNT E.21.14.UI 2



Lapisan-lapisan (*layer*) yang terdapat di dalam struktur reka bentuk mushaf

Peringkat kedua : Lakaran Motif

Penulis berpendapat lakaran motif ini dibuat selepas lakaran struktur reka bentuk adalah kerana terdapat beberapa kesan lakaran motif yang terkeluar daripada garisan struktur. Lakaran motif ini menggunakan sepenuhnya dengan hasil tangan dan mengikut daya kreativiti penyalin mushaf tersebut. Ini adalah kerana lakaran dan lukisan motif terlalu bebas tetapi mempunyai keseimbangan dan kehalusannya yang tersendiri. Melalui gaya motif ini, penulis merasakan penyalin mushaf ini merupakan seorang pakar dalam seni hias kerana motif yang dilukis terlalu halus dan menarik. Walaupun kelihatan terlalu padat namun motif ini seolah-olah mempunyai tarian dan lenggok sehingga membuatkan pandangan terpesona dengan keindahan motif tersebut. Motif ini juga mempunyai unsur-unsur dalam motif seni ukiran Melayu antaranya seperti motif bunga bayam peraksi, sarang putu, bunga cengkik dan lain-lain lagi. Motif yang terdapat di dalam mushaf terdiri daripada :

- i) Motif Sulur
- ii) Motif Daun
- iii) Motif Bunga



Gambar motif yang terkeluar daripada struktur reka bentuk



Gambar motif yang terdapat motif sulur, daun dan bunga

Peringkat ketiga : Pewarnaan dan Sepuhan Emas


Mushaf al-Quran Emas Terengganu ini merupakan sebuah manuskrip mushaf al-Quran yang telah berusia ratusan tahun dan kini telah berada di dalam simpanan Muzium Negeri Terengganu. Mushaf ini dikatakan mengalami sedikit kerosakan kerana tindak balas kimia bahan-bahan yang berada di dalam mushaf tersebut. Salah satu bahan yang digunakan adalah bahan pewarnaan organik yang diproses bagi menghasilkan warna. Melalui pemerhatian yang dijalankan, penulis mendapati beberapa warna yang terdapat di dalam mushaf ini, iaitu :

- i) Warna merah bata
- ii) Warna biru muda
- iii) Warna hijau muda
- iv) Warna merah jambu
- v) Warna biru gelap / hitam
- vi) Warna hijau tua
- vii) Warna kuning
- viii) Warna emas



Gambar pengkelasan warna yang terdapat di dalam mushaf

Dengan membuat penelitian secara kasar, penulis berpendapat warna emas yang terdapat di dalam mushaf ini adalah diperolehi dengan menggunakan perada emas (*gold leaf*) bermutu tinggi dan mempunyai teknik untuk menerapkannya ke atas mushaf. Penulis mendapati penerapan emas ini dilakukan dengan menggunakan teknik menampal perada emas tersebut ke atas mushaf. Ini adalah kerana terdapat tekstur emas dan mempunyai kesan tampalan-tampalan di luar struktur motif. Jika ia menggunakan teknik pencairan perada emas seperti mana teknik yang biasa digunakan di negara lain sudah pasti warna emas tersebut akan sekata (*flat*) dan kurangnya risiko warna emas tersebut tergelincir daripada ruangan motif. Dengan mengekalkan tekstur emas tersebut, mushaf ini sentiasa kelihatan mewah dan berkilau.



Gambar tekstur emas dan warna emas yang terkeluar daripada motif

Peringkat keempat : Penulisan Kaligrafi dan Komposisi Kaligrafi


Selain seni hias yang menarik, mushaf ini juga mempunyai seni penulisan kaligrafi yang amat unik dan cantik. Mushaf ini terdapat nota kaki dan dipercayai mengandungi ilmu-ilmu *Qiraat*. Berikut adalah beberapa jenis gaya penulisan kaligrafi yang terdapat di dalam mushaf ini:

- i) Gaya penulisan Khat *Nasakh*
- ii) Gaya penulisan Khat bermotif

Mushaf ini menggunakan seakan-akan gaya penulisan Khat *Nasakh* dalam ruangan ayat-ayat suci al-Quran dan pada nota kaki di sebelah ruangan struktur mushaf. Berikut adalah sebahagian contoh gaya penulisan yang menarik dan sedikit berbeza dengan kaedah Khat *Nasakh* pada masa kini :

BIL	PERBEZAAN HURUF / KALIMAH	GAYA KHAT MUSHAF LMNT E.21.14.UI 2	GAYA KHAT NASAKH SEKARANG	KENYATAAN
1	KEPALA HURUF KAF			Terdapat tanda dan kepala kaf menipis pada gaya penulisan khat mushaf al-Quran LMNT E.21.14.UI 2
2	HURUF HA			Bentuk kepala ha yang menipis berbanding gaya penulisan khat <i>Nasakh</i> sekarang
3	HURUF ALIF			Terdapat tanda (<i>Tarwish</i>) huruf alif tunggal pada gaya penulisan khat mushaf al-Quran LMNT E.21.14.UI 2

Terdapat banyak lagi gaya penulisan yang menarik perhatian kerana komposisi dan bentuk huruf yang unik. Melalui perbandingan gaya penulisan di dalam mushaf al-Quran emas Terengganu sebagaimana jadual di atas, penulis berpendapat bahawa gaya penulisan pada mushaf ini seakan-akan menyamai gaya penulisan Khat *Nasakh* pada zaman sekarang. Ini mungkin kerana revolusi gaya penulisan Khat *Nasakh* semakin berkembang yang menjadi sumber penulisan yang utama dalam penulisan mushaf.



Gambar nota kaki yang bertulisan khat dipercayai mengandungi ilmu-ilmu *Qiraat*

Gaya penulisan Khat Bermotif

Antara kehebatan dan keunikan mushaf ini adalah mempunyai gaya penulisan khat yang menarik iaitu gabungan khat dan motif. Di samping itu, gaya penulisan ini menggunakan komposisi yang rumit dan memerlukan pemerhatian yang mendalam bagi memahami sesuatu bentuk tulisan tersebut. Komposisi ini juga seakan-akan sama dengan seni Kaligrafi dalam seni bina Melayu yang terdapat di rumah dan istana lama seperti di Rumah Limas Belanda dan Istana Tengku Long di Muzium Negeri Terengganu. Ini menunjukkan bahawa gaya komposisi kaligrafi tersebut mempunyai persamaan dan hubung kait dengan kewujudan mushaf al-Quran emas Terengganu.




Gambar sebahagian khat bermotif di dalam mushaf al-Quran emas Terengganu LMNT E.21.14.U1 2



Gambar khat bermotif yang diambil daripada Rumah Limas Belanda, perkarangan Muzium Negeri Terengganu

Peringkat Kelima : Perincian (*Detailing*)

Mushaf al-Quran emas Terengganu ini amat menarik kerana mempunyai perincian yang halus. Penulis memerhatikan terdapat garisan dan lorekan halus pada kebanyakan motif dan memberikan kesan kehalusan terhadap seni hias mushaf tersebut. Lorekan-lorekan halus ini sukar diperhatikan dengan menggunakan mata kasar. Penulis berpendapat, proses perincian dengan membuat lakaran halus ini menjadikan motif tersebut lebih hidup dan menarik. Proses perincian ini juga dilakukan selepas proses lakaran struktur dan penghasilan motif. Ianya dapat dilihat melalui proses pemerhatian lorekan garisan bagi perincian ini bertindan di atas pewarnaan. Seterusnya akan menjadikan lorekan tersebut lebih jelas dan teratur. Melalui proses akhir dalam membuat perincian ini, ia membuktikan bahawa penyalin mushaf ini mempunyai tahap ketelitian yang tinggi dalam mereka bentuk dan menyalin mushaf ini.



Gambar sebahagian proses perincian (*detailing*) selepas imej dibesarkan

RUMUSAN DAPATAN

Berdasarkan kajian dapatan yang telah dijalankan terhadap mushaf ini, pereka atau penyalin mushaf ini berjaya menghasilkan sebuah mushaf yang menarik bermula daripada kulit sehingga helaian halaman-halaman mushaf. Bagi menghasilkan mushaf ini, berkemungkinan memerlukan kepakaran lebih daripada seorang dari segi kepakaran seni hias, pewarnaan, kaligrafi dan penjilidan. Penghasilan mushaf ini membuktikan kehebatan dan kehalusan kesenian orang terdahulu dalam menghasilkan mushaf al-Quran. Kelembutan gerak tari motif dalam seni hias mushaf al-Quran emas Terengganu ini seolah-olah menggambarkan kelembutan dan kesopanan orang-orang Melayu dalam kehidupan seharian. Ini ditambah lagi dengan ciri-ciri khas sepertimana mushaf al-Quran Gaya Terengganu yang mempunyai

identitinya yang tersendiri. Ia dijelaskan oleh Ketua Kurator British Library, Datuk Dr. Annabel Teh Gallop berkaitan ciri-ciri khas manuskrip al-Quran Terengganu seperti (Riswadi Azmi, 2020):

- i) Garis luar lukisan gerbang di bahagian bingkai teks adalah bersambung
- ii) Mempunyai corak beralun di atas gerbang
- iii) Bingkai hiasan luar mengelilingi bahagian tepi muka surat, berbentuk melengkung di bahagian sudut
- iv) Terdapat lukisan berbentuk seperti tombol tajam yang terkeluar dari dinding bingkai luar menghala ke bingkai teks di bahagian dalam yang seolah-olah *stalagmite-stalactite*
- v) Mempunyai lukisan berbentuk separuh bulatan
- vi) Corak berbentuk huruf 'M', 'W'
- vii) Terdapat gerbang kecil separuh bulatan di atas puncak gerbang berbentuk bujur
- viii) di kiri dan kanan terdapat dua gerbang yang mengapit gerbang utama dan melekap pada bingkai hiasan teks
- ix) panel kaligrafi yang menarik
- x) motif flora dan *foliate* yang berulang-ulang


Seni hias mushaf al-Quran ini juga melambangkan orang-orang terdahulu memartabatkan agama Islam melalui kesenian. Ini dikaitkan dengan kenyataan Annabel (2012) berkenaan catatan dari Munshi Abdullah yang menjadi sumber penting akan kearifan dan kepakaran masyarakat Terengganu dalam menghias manuskrip al-Quran berbanding negeri lain dilawatnya (Riswadi Azmi, 2020).

PERBINCANGAN

Seni hias mushaf al-Quran emas Terengganu ini semakin pupus dan tidak dikenali oleh masyarakat Melayu pada masa kini. Ini kerana tiada pewaris yang mewarisi ilmu seni hias mushaf al-Quran tersebut. Namun, seni hias ini telah menarik minat para pengkaji kerana keunikannya dan mempunyai banyak rahsia yang perlu dirungkai. Secara tidak langsung telah menggalakkan para pengkaji menjalankan penyelidikan tentangnya dengan lebih mendalam.

Pada tahun 2019, penulis terlibat secara langsung dalam membangunkan semula Ummul Quran mushaf al-Quran emas Terengganu yang dikaji bagi menjayakan Pameran Iluminasi dan Warkah Emas DiRaja Terengganu melalui kerjasama Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) dan Kolej Al-Quran Terengganu (KQT). Pameran ini turut memberi pendedahan berkenaan manuskrip al-Quran di dalam dan luar negara serta warkah-warkah kesultanan Terengganu termasuk pembangunan semula Warkah Emas DiRaja Sultan Ahmad Shah kepada Jeneral Belanda pada tahun 1824. Pameran ini berlangsung selama sebulan bertempat di Muzium Negeri Terengganu dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Selain itu, pameran ini menggambarkan hubungan kesultanan Terengganu dengan Ulama', rakyat, pembesar dan hubungan diplomatik luar negara melalui warkah-warkah yang dipamerkan. Warkah-warkah kesultanan Terengganu ini dapat memberikan kesedaran kepada pengunjung tentang keunikan dan penggunaan tulisan jawi yang merupakan tulisan persuratan pada zaman itu. Selain itu, terdapat beberapa aktiviti yang telah diadakan seperti pertandingan menulis Khat, pertandingan membaca manuskrip Melayu dan pertandingan mewarna seni hias mushaf al-Quran. Secara tidak langsung, aktiviti ini memberikan kesedaran kepada masyarakat Terengganu secara khusus dan Malaysia secara amnya berkenaan kegemilangan mushaf al-Quran emas Terengganu yang hebat. Keindahan manuskrip al-Quran Terengganu ini diakui oleh Ketua

Kurator South East British Library, Datuk Dr Annabel Teh Gallop pada Program Bicara Eksklusif dalam talian pada bulan Disember 2020. Beliau menjelaskan, beberapa tempat sahaja yang berjaya menghasilkan mushaf al-Quran dengan gaya seni menarik. Jelasnya, hasil penyelidikan ke atas manuskrip al-Quran Alam Melayu dalam koleksi di dalam Negara, Indonesia dan Eropah, didapati manuskrip Terengganu terindah dan terhalus. “Manuskrip dihasilkan di Terengganu didapati mempunyai gaya iluminasi Pantai Timur yang kemudiannya secara jelas memperincikan dua gaya utama Pantai Timur dan Gaya Terengganu dan Gaya Patani”. “Secara teknikalnya, mushaf Terengganu adalah yang terindah, tercantik dan terbaik di seluruh Asia Tenggara”. Secara amnya, Gallop mengakui seni iluminasi adalah aspek keindahan, kehalusan dan ketelitian yang menekankan disiplin yang tinggi dalam karya dan penghasilannya.



Gambar Pembangunan Semula Mushaf Emas Al-Quran Terengganu dan Warkah Emas Diraja Terengganu, Warkah Sultan Ahmad Shah 1824

KESIMPULAN

Gallop (2010) turut menyentuh peranan besar yang dimainkan oleh institusi istana Terengganu selaku penaung dalam menyemarakkan tradisi ini sekurang-kurangnya bermula pada akhir abad ke-18 sehingga awal abad ke-20. Penyalin atau seniman manuskrip ini juga tidak diketahui identiti kerana amat sedikit manuskrip yang mengandungi kolofon. Begitu juga dengan rahsia seni hias manuskrip ini juga kekal rahsia kerana tiada generasi yang membangunkannya semula. Gallop mencadangkan satu-satunya cara untuk mengungkap kembali ilmu tentangnya adalah melalui penelitian yang mendalam terhadap manuskrip itu sendiri. Tidak kurang penting adalah dengan melakukan kajian perbandingan dengan lain-lain tradisi kesenian Melayu Pantai Timur yang masih wujud. Salah satu daripadanya adalah dengan mempelajari Bahasa seni rupa, teknik, corak dan motif seni ukiran kayu dan logam (Zahamri, 2013).

RUJUKAN

- DzulHaimi. (2007). Ragam Hias Al-Quran Di Alam Melayu : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ettinghausen, R. dalam kertas kerjanya bertajuk “*Originality and Conformity in Islamic Art*” dlm. *Individualism and Conformity in Classical Islam: Fifth Giorgio Levi Della Vida Biennial Conference, May 23-25, 1975, Gustave E. Von Grunebaum Center for Near Eastern Studies, University of California, Los Angeles*. Banani A. Dan Vryonis S., Jr (ed.) (Wiesbaden, 1977); hlm. 109.
- Hasnira Hassan et al. (2013, November 26-27). Naskhah al-Quran Kilau ‘Gaya Terengganu’ Sebagai Kesenian Teokratik. Seminar Antarabangsa ke-2 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasnira Hassan et al. (2014). Kesenian Manuskrip al-Quran Kilau dari Kesultanan Terengganu, Disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Islamic Manuscript Art of the Southeast Asia. Crescent Moon: Islamic Art & Civilization in Southeast Asia. Ed. Bennet, James. Adelaide: Art Gallery of South Australia, 2005c.* 158-183.
- Muzium Negeri. <https://mbkt.terengganu.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/muzium-Negeri>
- Riswadi Azmi. (2020). Manuskrip al-Quran Emas Warisan Kesultanan Terengganu : Universiti Malaysia Terengganu.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria. (2015). Penjilidan Kulit Manuskrip al-Quran Pantai Timur Sebelum Abad ke-20 Masihi: Kepandaian dan Harta Intelektual Tempatan. Tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zahamri Nizar. Senikini. Seni Iluminasi. Reka bentuk Geometri dalam Ragam hias al-Quran Terengganu abad ke-19 : Kajian Manuskrip LMNT 2002.1 : Balai Seni Visual Negara (BSVN).